



KEMENTERIAN
PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI

SIARAN MEDIA

PEMBANGUNAN SEGERA STESEN PENGECAS BAKAL PERKASA PENGUNAAN EV

Mesyuarat Jawatankuasa EV Kebangsaan (*National EV Steering Committee* – NEVSC) yang pertama bagi tahun 2024 telah dipengerusikan untuk julung kalinya oleh YAB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri yang juga merupakan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA). Ia melambangkan komitmen pemimpin tertinggi Kerajaan untuk turut serta dalam memacu dan memastikan pembangunan industri kenderaan elektrik (*Electric Vehicle* – EV) di Malaysia mencapai matlamat yang ditetapkan.

Antara perkara yang telah dibincangkan ialah berkaitan usaha menambahbaik prosedur dan pelesenan stesen pengecas EV. Pengusaha industri pengecas EV (*Charge point operator* - CPO) perlu memastikan semua syarat pelesenan daripada Suruhanjaya Tenaga dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) termasuk ketetapan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia adalah dipatuhi. YAB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri, merangkap Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) menekankan bahawa, "Kerajaan mengambil maklum akan cabaran semasa yang dihadapi oleh pihak penyedia perkhidmatan pengecas EV dan saya telah mengarahkan

agensi Kerajaan yang terlibat untuk menyelaraskan dan memudahkan peraturan-peraturan berkaitan termasuk yang berkaitan dengan hal pelesenan bagi memastikan pembangunan dan pengoperasian stesen pengecas EV di seluruh negara berjalan dengan lancar dan membantu menyokong pembangunan ekosistem EV secara holistik, tanpa menjejaskan aspek keselamatan.”

Bagi menambah bilangan stesen pengecas EV di lebuh raya, pihak PLUS dengan kerjasama Lembaga Lebuhraya Malaysia telah bersetuju untuk memudahkan proses membangunkan stesen pengecas di sepanjang lebuh raya PLUS. Ini termasuklah mengenalpasti lokasi-lokasi strategik di Kawasan Rehat dan Rawat (R&R) dan Hentian Sebelah di lebuh raya PLUS. Selain itu, Kerajaan meminta agar pembekalan kuasa elektrik di lokasi pembangunan pengecas EV yang diluluskan di R&R adalah sentiasa mencukupi dan pembangunan *sub-station* baharu disegerakan di lokasi yang diperlukan.

Mesyuarat juga dimaklumkan oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) bahawa TNB sedang meneliti kaedah penyumberan bekalan tenaga dan penggunaan tenaga mengikut waktu untuk menggalakkan aktiviti pengecasan EV menggunakan sumber tenaga boleh diperbaharui (*Renewable Energy* - RE). YB Senator Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Tengku Abdul Aziz, Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri turut menjelaskan bahawa “Selain aktiviti pengecasan EV menggunakan sumber tenaga boleh diperbaharui, Kerajaan juga menyambut baik cadangan untuk menggalakkan model perniagaan baharu bagi mengoptimumkan pengecasan EV pada waktu penggunaan grid yang rendah.”

Mesyuarat juga dimaklumkan bahawa Northport (Malaysia) Berhad telah membangkitkan isu berkaitan risiko keselamatan EV semasa pengendalian dalam aspek logistik. Oleh itu, mesyuarat bersetuju supaya garis panduan amalan baik (good practice) berkenaan tatacara pengendalian EV semasa urusan logistik disediakan dalam tempoh 6 bulan sebagai rujukan kepada industri.

KEMENTERIAN PELABURAN, ANTARABANGSA & INDUSTRI (MITI)
15 FEBRUARI 2024

Tentang MITI:

MITI adalah pemacu utama dalam menjadikan Malaysia sebagai destinasi pilihan bagi pelaburan berkualiti dan meningkatkan status negara ini sebagai sebuah negara perdagangan yang kompetitif di peringkat global. Objektif dan peranannya adalah berorientasikan ke arah memastikan pembangunan ekonomi yang pesat di Malaysia dan membantu mencapai matlamat yang dinyatakan di negara ini untuk menjadi sebuah negara maju.

Pertanyaan Media:

Unit Komunikasi Strategik MITI

Tel : +603 6200 0082

Fax : +603 6206 4293

E-mail : alluks@miti.gov.my